

Headline	Kedah beri perhatian tanah rizab Melayu		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Sep 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	7	ArticleSize	91 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,186	PR Value	RM 3,557



## Kedah beri perhatian tanah rizab Melayu

KUBANG PASU 22 Sept. - Bertitik tolak daripada laporan khas *Utusan Malaysia* baru-baru ini mengenai tanah rizab Melayu yang kian menyusut, kerajaan negeri memberi jaminan akan memberi lebih perhatian terhadap perkara berkenaan bagi memastikan keluasan tanah-tanah tersebut sentiasa berada pada tahap yang betul.

Menurut Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir, beliau sendiri terkejut dengan pendedahan yang dilakukan *Utusan Malaysia* itu.

"Saya terbaca wawancara *Mingguan Malaysia* bersama Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mohd. Noor Abdullah semalam. Susulan itu, saya membangkitkan perkara berkenaan dalam Mesyuarat Perancangan Negeri mengenai berapa keluasan tanah rizab yang ada di Kedah, peratusannya serta nilainya sekali," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan dalam Seminar Pemikiran Tokoh Negarawan Asean 2014 bertemakan Merintis Kesatuan Tamadun Asean di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini hari ini.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melalui laporan khasnya mendedahkan mengenai tanah rizab Melayu yang sudah pun menyusut jumlahnya kepada hanya 12 peratus berbanding 50 peratus seperti yang ditetapkan melalui Wasiat Raja-Raja Melayu.

Di Kedah, data terakhir pada 2009 menunjukkan keluasan tanah tersebut berjumlah 351,613 hektar iaitu sekitar 11.99 peratus daripada keseluruhan tanah negeri berjumlah 1,578.263.91 hektar.